

5231  
GURU

1975

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) -- KESATUAN KEBANGSAAN GURU-GURU BAHASA MALAYSIA MENYAMBUK BAIK CADANGAN MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED UNTUK MENGHANTAR LEBIH RAMAI GURU-GURU BAHASA MALAYSIA BERTUGAS DI SARAWAK DAN SABAH.

SETIAUSAHA AGUNG KESATUAN, ENCIK ABDUL KARIM ABDULLAH BERKATA HARI INI, PIHAKNYA YAKIN RAMAI ANGGUTA KESATUAN INGIN BERKHIDMAT DI SABAH.

INI BUKAN SAJA DAPAT MENGEMBANGKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DISANA TETAPI JUGA MEMBERI KESEMPATAN KEPADA GURU-GURU MELIHAT NEGERI-NEGERI ITU LEBIH DEKAT.

HELIAU BERHARAP PERKARA ITU DAPAT DIBINCANGKAN DALAM PERTEMUAN ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI KESATUAN DENGAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN, ENCIK ABDUL KADIR TALIB, TIDAK LAMA LAGI.

ENCIK ABDUL KARIM, YANG JUGA MENJADI SETIAUSAHA JAWATANKUASA BERTINDAK MENGENAI TUNTUTAN GAJI B1 DAN B2, MEMBERITAHU BAHAWA PIHAKNYA SEDANG MENUNGGU KEPUTUSAN MUKTAMAD DARI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MENGENAI PERKARA TERSEBUT.

KATANYA, TUNTUTAN JAWATANKUASA ITU MENGENAI PERKARA TERSEBUT TELAH MENDAPAT SOKONGAN KEMENTERIAN PELAJARAN.

-- BERSAMBUNG 1300/SZ

074.

GURU 2 KUALA LUMPUR

KESATUANNYA AKAN MEMINTA JASA BAIK SURUHANJAYA GAJI ISAHIM ALI MENGAJI TANGGA-GAJI GURU UTS 3C DAN 3Y YANG BERKELULUSAN DARJAH 6 DAN 7 SERTA LCE.

KATANYA, TERDAPAT BANYAK PERBEZAAN BAJI ANTARA MEREKA DENGAN GURU-GURU DTC, JUGA MEMPUYAI KELULUSAN LCE.

MEREKA YANG LULUS DTC DAN MEMPUYAI KELULUSAN LCE MENDAPAT GAJI B210, BERBANDING DENGAN GURU-GURU YANG LULUS DARJAH 6 DAN 7 SERTA LCE DALAM 3C DAN 3Y YANG HANYA MENDAPAT \$135 DAN \$165.

ENCIK KARIM JUGA MEMBERITAHU BAHAWA SEBUAH CAWANGAN KESATUAN DI KAWASAN UTARA AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI.

-- BERNAMA 1304/SZ